

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	UBM MALAYSIA	SECTION:	BISNES
PUBLICATION:	UTUSAN MALAYSIA	PAGE NO.:	45
DATE:	WEDNESDAY, 26 SEPTEMBER 2018	FREQUENCY:	DAILY
CIRCULATION:	112,050		
HEADLINE:	LONGGARKAN KEPERLUAN TUKARAN WANG ASING		

Longgarkan keperluan tukaran wang asing

KUALA LUMPUR 25 Sept. -Velesto Energy Bhd. (Velesto) berharap kerajaan akan melonggarkan keperluan tukaran mata wang asing (forex) bagi syarikat tempatan terutamanya dalam penukaran dolar Amerika Syarikat (AS) kepada ringgit semasa menjalankan perniagaan dengan syarikat-syarikat antarabangsa dalam Bajet 2019.

Presiden Velesto, Rohaizad Darus berkata, langkah itu akan mengurangkan beban syarikat-syarikat tempatan, terutamanya sektor minyak dan gas (O&G), sekaligus membolehkan mereka mempunyai masa yang lebih lama untuk melakukan pembayaran ketika menjalankan perniagaan antarabangsa.

“Saya berharap akan ada kelonggaran dari segi peraturan mengenai forex (peraturan) mengenai keperluan bagi syarikat Malaysia untuk menukarkan dolar AS kepada ringgit.

“Syarikat-syarikat seperti kita sebenarnya menerima wang dalam dolar AS dan jika wang itu ditukarkan ke ringgit, kita akan mempunyai lebih banyak masa untuk komitmen

VELESTO
energy

kewangan kita,” katanya kepada pemberita selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Heriot-Watt University Malaysia (HWUM) sempena Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Minyak dan Gas Malaysia (MOGSEC) 2018, di sini hari ini.

MoU tersebut ditandatangani oleh Rohaizad bagi pihak Velesto dan Timbalan Provos, HWUM, Professor Dennis Wong sambil disaksikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Darell Leiking.

Rohaizad turut melahirkan harapan agar industri O&G akan mendapat insentif seperti kelonggaran cukai kerana ia memberi manfaat besar kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam sektor ini.

“Saya harap ada insentif untuk menggalakkan bank-bank untuk menyokong para pemain tempatan, terutamanya PKS, kerana apabila industri ini terjejas, PKS turut terjejas sama,” katanya.